

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- a. jumlah permohonan yang ditawarkan, jumlah yang menerima tawaran dan melapor diri untuk kemasukan ke matrikulasi bagi tahun 2019 mengikut pecahan kaum; dan

- b. apakah fenomena kekurangan kemasukan pelajar bagi aliran sains berlaku lagi? Jika ya, berapa ramai dan apakah tindakan susulan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sesi 2019/2020, seramai 55,324 orang murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah ditawarkan untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan. Penawaran dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019 yang bersetuju supaya dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dikenakan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera. Selain itu, mulai sesi 2019/2020 sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan berpendapatan rendah (B40) sebagai salah satu inisiatif Kementerian untuk memberikan akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan keutamaan diberikan kepada golongan B40.

Daripada jumlah tawaran tersebut, enrolmen Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi sesi 2019/2020 adalah seramai 22,655 orang pelajar bumiputera, 1,774 orang pelajar kaum Cina, manakala kaum India pula seramai 1,212 orang dan seramai 278 daripada kaum-kaum lain.

- (b) Program Matrikulasi merupakan program yang telah diwujudkan pada tahun 1999 dengan tujuan asal adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di universiti awam. Statistik enrolmen pelajar Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan yang mengambil aliran sains menunjukkan peningkatan iaitu daripada 18,839 orang pada tahun 2017, kepada 20,324 orang pada tahun 2018, dan 22,678 orang pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.